
KAJIAN PERSEPSI PELAJAR TERHADAP FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PEMILIHAN TEMPAT LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK, POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH PERAK

Saadiah binti Seman ¹, Nur Kamaliah binti Ismail ², Sharmila binti Mad Isa ³ dan Fadilah binti Ahmad ⁴
^{1,2,3}Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Malaysia

E-mail: diahseman@puo.edu.my, kamaliah@puo.edu.my, sharmila.mdisa@puo.edu.my dan dilahmad@puo.edu.my

Abstract

The purpose of this study is to find out the opinions of Electrical Engineering Department students about factors that may contribute to the selection of industrial training places. This descriptive study involves 104 students from the Diploma in Electrical and Electronics Engineering (DEE), Diploma in Communication Electronics Engineering (DEP) and Diploma in Computer Electronics Engineering (DTK) who have undergone industrial training session II 2022/2023. Objectives of the study include the scope and scope of duties in the industry, welfare and convenience of trainees, safety features of the workplace and co-worker relations. The study instrument consists of a set of questions that will be given to students through a link known as "google drive." To find out if these factors contribute to the selection of industrial training places, research data will be collected and analyzed using version 26, Statistical Package for Social Sciences (SPSS).

Keywords: Selection of industrial training places, factors contribute, and students' perception

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui pendapat pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik tentang faktor yang berkemungkinan menyumbang kepada pemilihan tempat latihan industri. Kajian deskriptif ini melibatkan 104 pelajar dari program Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE), Diploma Kejuruteraan Elektronik Perhubungan (DEP) dan Diploma Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK) yang telah menjalani latihan industri sesi II 2022/2023. Objektif kajian termasuk skop dan bidang tugas di industri, kebajikan dan kemudahan pelatih, ciri keselamatan tempat kerja dan hubungan rakan sekerja. Instrument kajian terdiri dari set soalan yang akan diberikan kepada pelajar melalui pautan yang dikenali sebagai "google drive." Untuk mengetahui adakah faktor-faktor ini menyumbang kepada pemilihan tempat latihan industri, data kajian akan dikumpul dan dianalisis menggunakan versi 26, Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS).

Kata kunci: Pemilihan Tempat, Latihan Industri, Faktor-faktor, Persepsi Pelajar.

I. PENGENALAN

Semua pelajar Politeknik wajib menjalani Latihan Industri, yang merupakan syarat wajib bagi penganugerahan diploma. Pelajar akan ditempatkan di jabatan kerajaan atau syarikat swasta. dalam tempoh dua puluh minggu, atau satu semester. Tujuan kursus ini adalah untuk memperluaskan pemahaman pelajar tentang dunia kerja sebenar, terutamanya berkaitan pengetahuan yang dipelajari di Politeknik, hubungan etika dan kemanusiaan serta prosedur keselamatan tempat kerja.

Matlamat ini dapat dicapai dengan pelbagai cara dan salah satunya ialah latihan

industri. Latihan industri merupakan platform untuk pelajar akademik mahupun teknikal untuk mengintegrasikan pengetahuan teori dengan persekitaran kerja sebenar serta mempraktikkan ilmu yang diperolehi. Program ini amatlah penting bagi mereka untuk menggunakan pengetahuan teori yang sebelum ini diperolehi di dalam bilik darjah atau kuliah [3]. Melalui program latihan ini, para pelajar akan mempunyai kemahiran praktikal yang dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang isu kerja yang signifikan dan meningkatkan kebolehpasaran. Oleh itu, latihan industri menyediakan ruang dan peluang yang unik bagi pelajar untuk belajar tentang peranan dan tugas yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka. Tambahan pula, keperluan untuk

menjalankan program ini adalah satu kemestian untuk semua pelajar tanpa mengira jantina kerana kajian yang dijalankan oleh [2] dan [3] menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan antara jantina yang menjalankan latihan ini. Ini bermakna bahawa latihan industri adalah penting untuk kedua-dua jantina iaitu graduan lelaki dan perempuan.

II. PEMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan kepada data yang diperolehi dari Unit Perhubungan Latihan Industri, kekerapan pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang menukar tempat latihan amat ketara dan ianya berulang setiap semester (rujuk jadual di bawah).

Jadual 1.2 :Kekerapan pelajar JKE yang menukar tempat Latihan Industri

| Bil | Sesi Latihan Industri | Bil Pelajar yang menukar tempat |
|-----|-----------------------|---------------------------------|
| 1 | Sesi I 2022/2023 | 5 |
| 2 | Sesi II 2022/2023 | 13 |

(Sumber dari Unit Pengurusan Latihan Industri)

Keadaan ini berlaku kerana pelajar jarang menitikberatkan pemilihan tempat latihan yang sesuai dengan program yang diikuti di Politeknik selain faktor dari pihak industri yang turut menyumbang seperti skop kerja tidak sesuai, kebajikan/kemudahan dan keselamatan tempat kerja di abaikan dan kurangnya hubungan sosial antara pekerja.

Bagi memastikan pemilihan tempat ini bersesuaian dengan pelajar seharusnya menjadi kebiasaan untuk mendapatkan pandangan pelajar, yang secara langsung terlibat dalam latihan industri ini. Mereka yang telah mengalami situasi sebenar dalam latihan industri adalah orang yang terbaik untuk berkongsi pendapat dan pengalaman mereka semasa latihan industri. Antara perkara yang menimbulkan kebimbangan ialah adakah 4 faktor seperti skop kerja, kebajikan/kemudahan, keselamatan dan hubungan rakan sekerja boleh menyumbang kepada kesesuaian tempat latihan industri. Pengkaji berminat untuk menjalankan kajian dan mendapatkan pandangan pelajar mengenai perkara tersebut kerana pandangan dan pengalaman pelajar adalah penting dalam usaha membuat penambahbaikan dalam sistem pengurusan Latihan Industri.

III. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

- (I) Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap skop kerja yang diberikan oleh pihak industri menepati program di Jabatan Kejuruteraan Elektrik.
- (II) Mengenal pasti persepsi pelajar tentang kebajikan/kemudahan yang disediakan oleh pihak industri semasa latihan industri.
- (III) Mengenal pasti pandangan pelajar tentang pentingnya keselamatan di tempat kerja.
- (IV) Menentukan perspektif pelajar tentang hubungan rakan sekerja semasa menjalani latihan industri.

IV. TINJAUAN LITERATUR

Institusi pendidikan, majikan dan pensyarah memainkan peranan penting dalam transformasi pengetahuan dari Politeknik ke dunia pekerjaan. Pengajaran dan pembelajaran (P&P) tanpa latihan tidak mencukupi untuk memperlengkapkan pelajar dengan kebolehan melaksanakan tugas di industri dengan berkesan. Setiap profesion mempunyai elemen yang perlu dipelajari melalui latihan, seperti latihan industri. Banyak kajian mengenai keberkesanan latihan industri telah menunjukkan bahawa program latihan ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu organisasi dan pelajar. Latihan ini membantu pelajar mengenal pasti kemahiran pekerjaan dan membolehkan mereka mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan peluang untuk ditawarkan pekerjaan. Keupayaan kerja atau kebolehpasaran adalah kapasiti individu untuk memperoleh pekerjaan dalam pasaran kerja yang kompetitif [4].

2.1 PEMILIHAN TEMPAT LATIHAN YANG SESUAI

Pelajar harus memilih tempat latihan atau syarikat berdasarkan bidang pengkhususan mereka semasa di Politeknik. Pelajar akan mendapat manfaat daripada menyertai latihan industri dengan lebih berkesan jika tempat latihan disesuaikan dengan bidang kursus. Selain itu faktor kebajikan dan kemudahan pelatih, persekitaran kerja yang selamat serta hubungan baik antara rakan sekerja juga perlu di ambil kira sebagai penyumbang kepada kesesuaian dan keberkesanan latihan industri itu sendiri.

2.1.1 KESESUAIAN SKOP/BIDANG KERJA DENGAN PENGKhususan

Dasar Latihan Industri Institut Pengajian Tinggi [5] menyatakan bahawa persetujuan mesti dicapai antara IPT dan organisasi untuk mengenal pasti objektif khusus pelajar yang menerima latihan industri. Skop tugas sepatutnya memberi pelajar peluang untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari. Mereka juga harus

dapat melihat aplikasi praktikal dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Ini bermakna tanggungjawab terletak pada organisasi yang menerima pelajar untuk latihan industri. terhadap perkara berikut:

- Menyediakan garis panduan pembelajaran (learning guidelines);
- Pelajar mesti ditempatkan di jabatan, unit atau seksyen yang sesuai.;
- Memastikan skop tugas pelajar lebih tertumpu kepada bidang pengkhususan pelajar;
- Memberikan tunjuk ajar dan maklumbalas yang sesuai secara dinamik sambil memantau kemajuan pelajar;
- Menilai pelajar secara objektif sepanjang program latihan industri sesuai dengan tugas dan kebolehan pelajar;
- Memberi maklum balas kepada penyelia IPT; dan
- Laporkan kepada IPT sebarang isu tatatertib atau salah laku pelajar.

2.1.2 KEBAJIKAN / KEMUDAHAN PEKERJA

Dalam usaha pemilihan tempat latihan industri dilakukan oleh pelajar, faktor kebajikan dan kemudahan yang diberikan oleh pihak industri sepanjang tempoh latihan perlulah di ambilkira. Ini bertujuan untuk mewujudkan keselesaan dan sebagai pendorong ketika bekerja jika majikan memenuhi keperluan mereka [6]. Antara kemudahan fasiliti yang mesti disediakan oleh pihak industri ialah asrama, kantin, pakaian beruniform, tempat solat, kenderaan untuk urusan rasmi, elaun lebih masa dan sebagainya.

Menurut kajian mengenal pasti persepsi pekerja wanita UTM Skudai terhadap kemudahan fizikal dan spiritual serta kemajuan kerjaya mereka mendapati bahawa bilik solat, tandas dan bilik rehat yang khusus untuk wanita adalah perkara yang paling penting dalam kehidupan kerja harian mereka [7]

2.1.3 KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

Keselamatan ialah keadaan di mana tiada bahaya timbul. Ini berkaitan dengan risiko yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal atau masalah kesihatan secara berterusan [8]. Dalam bidang industri khususnya kejuruteraan elektrik, majoriti kecederaan di tempat kerja disebabkan oleh latihan keselamatan yang tidak mencukupi atau langsung tiada [9].

Bagi mengelak kemalangan di tempat kerja dari terus berlaku, semua pihak yang terlibat harus mematuhi protokol keselamatan.. Di industri misalnya pihak pengurusan harus mengambil kira aspek keselamatan dan disiplin pekerja semasa mereka bekerja samada melibatkan aktiviti luar atau dalam organisasi. Pengurusan peralatan serta persekitaran kerja yang selamat juga merupakan komponen penting untuk memastikan tahap keselamatan di sesebuah organisasi. Menurut [10] kekurangan pengetahuan keselamatan dan kemahiran adalah penyumbang kepada kemalangan secara tidak langsung. Kenyataan ini dikuatkan lagi oleh pendapat [11], bahawa pengetahuan keselamatan yang cetek dan engkar untuk mematuhi peraturan keselamatan, akan menyebabkan kadar kecederaan dan kemalangan yang tinggi berlaku di tempat kerja.

Apabila langkah-langkah keselamatan tidak diindahkan dan kurangnya kesedaran, ia boleh menyebabkan pertambahan bilangan kemalangan yang berlaku di industri. Keselamatan bukan sahaja tertumpu kepada seseorang individu; ia juga meliputi alatan, mesin, perkakasan, persekitaran, dan keselamatan semua orang yang terlibat [12].

2.1.4 HUBUNGAN SOSIAL ANTARA RAKAN SEKERJA

Dalam setiap bidang pekerjaan, hubungan kerjasama tidak boleh diabaikan. Ia bukan sahaja mempengaruhi diri sendiri, tetapi juga mempengaruhi "mood" tempat kerja. "Mood" kerja menjadi baik jika hubungan itu baik. Walau bagaimanapun, jika sebaliknya, ia boleh menjejaskan prestasi kerja seseorang di tempat kerja..

Suasana kerjasama dan hubungan yang kukuh adalah penting kerana konflik boleh menjejaskan kelancaran kerja dan menyebabkan banyak masalah [13]. Matlamat dan hasrat yang jelas menjadikan hubungan antara rakan sekerja dan majikan lebih akrab dan mesra.

Hubungan yang akrab dapat membina persahabatan, rasa hormat-menghormati dan kepercayaan. Ikatan persahabatan akan mengukuhkan semangat berpasukan yang akhirnya menjalinkan semangat kekeluargaan yang kuat. Dengan adanya hubungan yang baik, ia dapat menghasilkan perubahan atau suasana tempat kerja yang harmoni dan hubungan antara kakitangan juga bertambah mesra. Dan secara tidak langsung akan meningkatkan mutu kerja sesebuah organisasi.

V. METODOLOGI KAJIAN

3.0 REKABENTUK KAJIAN

Kaedah kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan set soal selidik dan dianalisa dengan menggunakan statistik deskriptif seperti skor min. [14] menyatakan bahawa kajian deskriptif boleh membantu dalam perancangan masa depan dengan memberikan gambaran atau maklumat tentang keadaan semasa..

Manakala soalan soal selidik dibina dengan menggunakan platform 'google drive' dan diedar kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki seperti dalam persoalan kajian. Dalam penyelidikan, soal selidik digunakan untuk menukar maklumat kepada data yang diberikan kepada responden (Tuckman, 1994).

Seramai 104 orang responden terlibat yang terdiri daripada pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE), Diploma Kejuruteraan Elektronik Perhubungan (DEP) dan Diploma Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK) dari sesi II 2022/2023.

3.1 KAJIAN POPULASI DAN SAMPEL

Dalam bidang penyelidikan, populasi adalah penting kerana ia menentukan bidang masalah yang perlu dikaji dan jumlah data maklumat yang perlu dikumpul.

Bagi mencapai kebolehpercayaan yang tinggi, penyelidik akan mendapat manfaat daripada populasi kajian yang luas. Kaedah ini sangat baik kerana penyelidik menggunakan sampel yang lebih besar, yang membolehkan kajian itu menjadi lebih kukuh. Selain itu, penyelidik juga mempunyai keupayaan untuk mengurangkan kesilapan atau masalah kebarangkalian. Menurut [16] menyatakan bahawa populasi ialah satu set sifat yang menunjukkan persepsi atau ukuran tertentu terhadap sekumpulan orang atau objek.

Populasi bagi kajian ini adalah pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik Komputer (DTK), Diploma Kejuruteraan Elektronik Perhubungan (DEP) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DEE) dari sesi II 2022/2023. Kajian ini berjaya mengumpulkan 104 pelajar yang terlibat secara langsung.

3.2 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik tertutup, dimana penyelidik dengan mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada peserta berdasarkan sebab-sebab berikut [17] :

- I) Responden lebih bersedia untuk memberikan jawapan kepada elemen yang dikaji kerana nama dan jawapan mereka dirahsiakan
- II) Responden bebas memilih dan menilai serta tahu apa yang difikirkan sebagai jawapan.
- III) Kaedah ini lebih mudah dan menjimatkan masa, wang dan tenaga..
- IV) Menggalakkan penyelidikan kerana ia melibatkan jumlah responden yang ramai pada satu masa.
- V) Menurut penyelidik, kaedah ini adalah sesuai dan mencukupi untuk mendapatkan maklumat penting.

Selain keterangan latar belakang, soal selidik biasanya digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan [18]. Apabila soal selidik digunakan, ia boleh meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik.

Soal selidik ini dibentuk berdasarkan tujuan dan persoalan kajian. Bahagian A dan B mewakili dua bahagian item..

a) Bahagian A : Terdiri daripada profil pelajar seperti jantina, umur, bangsa, program, kategori syarikat dan skop/bidang tugas syarikat.

b) Bahagian B : mempunyai 32 item soalan yang diklasifikasikan mengikut objektif dan persoalan kajian yang dikaji. Ia terdiri daripada faktor skop kerja, kebajikan /kemudahan pelajar, keselamatan dan hubungan rakan sekerja seperti yang ditunjukkan di bawah dalam Jadual 3.2(a).

| Bil | Perkara | No. Item | Jumlah |
|-----|-------------------------------|-------------------------------|--------|
| 1 | Skop Kerja | 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 | 7 |
| 2 | Kebajikan/Kemudahan | 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 | 9 |
| 3 | Keselamatan | 1, 2, 3, 4, 5, 6 | 6 |
| 4 | Hubungan antara Rakan Sekerja | 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 | 10 |

Jadual 3.2(a) : Taburan Item Berdasarkan Pembolehubah

Pada bahagian ini responden dikehendaki menyatakan tahap persetujuan mereka atau tidak terhadap soalan.. Pengukuran yang akan digunakan dalam kajian ini ialah metrik berdasarkan skala Likert. Dalam skala ini, terdapat nilai skor yang mesti dipilih oleh responden bagi mengukur

persetujuan mereka. Responden perlu menandakan pada jawapan pilihan mereka berpandukan kepada panduan seperti jadual 3.2(b) di bawah :-

Jadual 3.2(b) : skala likert

| Skor | Pilihan |
|------|---------------------------|
| 5 | Sangat Setuju (SS) |
| 4 | Setuju (S) |
| 3 | Kurang Setuju (KS) |
| 2 | Tidak Setuju (TS) |
| 1 | Sangat Tidak Setuju (STS) |

Oleh itu, keputusan kajian bergantung sepenuhnya pada maklumat yang diberikan oleh responden secara tepat, jujur dan tulus semasa menjawab soal selidik.

VI. DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dapatan yang diperolehi hasil daripada kajian yang dijalankan. Sebanyak 104 set soal selidik telah dikaji menggunakan perisian SPSS versi 26 bagi setiap item dalam set soal selidik tersebut.

4.1 ANALISIS DATA

Penganalisan data dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A terdiri daripada analisis data maklumat diri pelajar seperti jantina, umur, bangsa, program, kategori syarikat dan skop/bidang kerja syarikat. Bahagian B mengandungi analisis data daripada soalan yang berkaitan dengan persoalan kajian dan termasuk faktor skop kerja, kebajikan/kemudahan, keselamatan dan hubungan rakan sekerja. Setiap item telah dianalisis untuk menentukan kekerapan, peratusan dan min yang dikumpulkan berdasarkan persoalan kajian.

4.2 ANALISIS BAHAGIAN A (MAKLUMAT DIRI PELAJAR)

Maklumat latar belakang responden dimasukkan dalam enam soalan dalam bahagian ini, yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa, program, kategori syarikat, dan skop/bidang kerja syarikat. Kesemua data tersebut akan diproses dalam bentuk kekerapan dan peratusan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.2 yang disertakan di bawah:

Jadual 4.2 : Taburan mengenai latar belakang responden (jantina, umur, bangsa, program, kategori syarikat dan skop/bidang syarikat)

| Biodata / Aspek | Kekerapan | Peratus (%) | |
|----------------------------|--|-------------|------|
| Jantina | Lelaki | 71 | 68.3 |
| | Perempuan | 33 | 31.7 |
| Umur | 18 - 20 tahun | 7 | 6.7 |
| | 21 - 25 tahun | 97 | 93.3 |
| | > 26 tahun | - | - |
| Bangsa | Melayu | 81 | 77.9 |
| | Cina | 10 | 9.6 |
| | India | 8 | 7.7 |
| | Lain - lain | 5 | 4.8 |
| Program | DEE | 58 | 55.8 |
| | DEP | 16 | 15.4 |
| | DTK | 30 | 28.8 |
| Kategori | Kerajaan | 17 | 16.3 |
| | Badan berkanun | 1 | 1.0 |
| | Swasta | 86 | 82.7 |
| Skop/Bidang kerja syarikat | Pendawaian Elektrik | 18 | 17.3 |
| | Perkilangan | 36 | 34.6 |
| | Baikpulih Alatan Elektrik/Elektronik dan Calibration | 35 | 33.7 |
| | Lain-lain | 15 | 14.4 |

n = 104

Berdasarkan Jadual 4.2, 68.3% responden adalah terdiri daripada pelajar lelaki manakala 31.7% pula adalah pelajar perempuan. Majoriti kajian ini melibatkan pelajar berumur 21 hingga 25 tahun. mewakili 93.3% dan baki sebanyak 6.7% pula terdiri daripada pelajar berumur 18 hingga 20 tahun.. Bangsa Melayu merupakan bangsa yang paling ramai dalam kajian iaitu 77.9%, diikuti 9.6% Cina, 7.7% bangsa India dan 4.8% lain-lain. Pecahan pelajar mengikut program pula dimonopoli oleh pelajar DEE sebanyak 55.8%, diikuti dengan pelajar DTK iaitu 28.8% manakala minoriti adalah daripada program DEP sebanyak 15.4%.

Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik yang menjalani latihan industri sesi II 2022/2023 terbahagi kepada tiga kategori syarikat iaitu 82.7% merupakan peratus tertinggi adalah daripada syarikat swasta. Manakala, 16.3% merupakan syarikat kerajaan dan peratus terendah adalah daripada syarikat badan berkanun iaitu 1% sahaja. Terdapat enam pecahan utama skop/bidang kerja syarikat di mana peratus tertinggi adalah dalam bidang perkilangan iaitu 34.6% diikuti 33.7% dalam bidang baikpulih alatan elektrik elektronik/calibration manakala bidang pendawaian elektrik sebanyak 17.3% dan lain-lain sebanyak 14.4%.

4.3 ANALISIS BAHAGIAN B - JAWAPAN KEPADA PERSOALAN KAJIAN

Bahagian ini mempunyai 32 item soalan berkaitan dengan empat faktor yang dijangka menyumbang kepada kesesuaian pemilihan tempat latihan industri. Faktor yang dilibatkan dalam kajian ini adalah skop kerja, kebajikan/kemudahan, keselamatan dan hubungan rakan sekerja.

Untuk memudahkan analisis, skala lima mata diubah kepada tiga mata. Kaedah ini digunakan untuk memudahkan penyelidik membuat pemberatan untuk setiap kategori dan membandingkannya dengan data lain [19].

4.3.1 PERSOALAN KAJIAN 1 :

Adakah skop kerja yang disediakan oleh pihak industri menyumbang kepada pemilihan tempat latihan ?

| Bil | No.Item | SS | | TP | | TS | | MIN |
|------------------|--|-----|------|-----|------|-----|------|---------------------|
| | | Bil | % | Bil | % | Bil | % | |
| 1 | Jadual latihan disediakan | 79 | 76 | 15 | 14.4 | 10 | 9.6 | 3.81 (Tinggi) |
| 2 | Manual prosedur kerja disediakan sebagai rujukan sebelum menjalankan kerja | 85 | 81.7 | 9 | 8.7 | 10 | 9.6 | 3.99 (Tinggi) |
| 3 | Latihan melibatkan kerja di luar pejabat | 83 | 79.9 | 11 | 10.6 | 10 | 9.6 | 3.98 (Tinggi) |
| 4 | Kerja yang diberi melibatkan kerja-kerja elektrik | 82 | 78.9 | 12 | 11.5 | 10 | 9.6 | 4.00 (Tinggi) |
| 5 | Peralatan yang digunakan di industri pernah digunakan ketika belajar di Politeknik | 69 | 66.4 | 19 | 18.3 | 16 | 15.4 | 3.63 (Sederhana) |
| 6 | Kerja melibatkan peralatan / mesin yang berbahaya | 65 | 62.5 | 21 | 20.2 | 18 | 17.3 | 3.59 (Sederhana) |
| 7 | Bidang tugas yang diberi oleh organisasi sesuai dengan program di Politeknik | 85 | 84.7 | 12 | 11.5 | 7 | 6.7 | 3.98 (Tinggi) |
| Nilai Min Purata | | | | | | | | 3.85 (Tinggi) |

Jadual 4.3.1(a) : Data Peserta Diklasifikasikan Berdasarkan Peratusan, Frekuensi dan Min Bagi Faktor Skop Kerja.

Antara data yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.1(a) mendapati purata min skor berada pada tahap tertinggi, 3.85. Oleh itu, persoalan kajian 1 terjawab dan dibuktikan dengan purata min skor yang tinggi. Maka, faktor skop kerja yang disediakan oleh pihak industri diterima sebagai penyumbang kepada pemilihan tempat latihan.

4.3.2 PERSOALAN KAJIAN 2

Adakah kebajikan dan kemudahan yang diberi oleh pihak industri kepada para pelajar menyumbang kepada pemilihan tempat latihan ?

Jadual 4.3.1(b) Taburan Responden Berdasarkan Peratusan, Frekuensi dan Min Faktor Kebajikan/Kemudahan

| Bil | No.Item | SS | | TP | | TS | | MIN |
|------------------|---|-----|------|-----|------|-----|------|---------------------|
| | | Bil | % | Bil | % | Bil | % | |
| 1 | Tempat tinggal disediakan | 46 | 44.2 | 12 | 11.5 | 46 | 44.2 | 2.92 (Sederhana) |
| 2 | Pakaian seragam disediakan | 57 | 54.8 | 9 | 8.7 | 38 | 36.5 | 3.24 (Sederhana) |
| 3 | Kantin disediakan | 65 | 62.5 | 11 | 10.6 | 28 | 27 | 3.49 (Sederhana) |
| 4 | Subsidi makanan diberi | 50 | 48.1 | 13 | 12.5 | 41 | 39.4 | 3.07 (Sederhana) |
| *3 | Peruntukan waktu solat dan solat jumaat diberi | 97 | 93.2 | 5 | 4.8 | 2 | 2 | 4.39 (Tinggi) |
| *4 | Tempat solat / surau disediakan dan bersesuaian | 91 | 87.5 | 7 | 6.7 | 6 | 5.8 | 4.22 (Tinggi) |
| 5 | Waktu rehat diperuntukkan dan sesuai | 97 | 93.3 | 4 | 3.8 | 3 | 2.9 | 4.39 (Tinggi) |
| 8 | Elaun lebih masa (OT) diberi | 55 | 52.9 | 11 | 10.6 | 38 | 36.5 | 3.17 (Sederhana) |
| 9 | Organisasi ada menyediakan kenderaan ke "site" | 63 | 60.5 | 9 | 8.7 | 32 | 30.7 | 3.38 (Sederhana) |
| Nilai Min Purata | | | | | | | | 3.59 (Sederhana) |

Analisis data yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.1(b) mendapati purata min skor berada di bawah nilai sederhana, atau 3.59. Implikasi purata min skor sederhana menunjukkan bahawa beberapa faktor kebajikan dan kemudahan yang diberikan oleh pihak industri juga merupakan faktor penyumbang kepada kesesuaian tempat latihan berdasarkan persepsi pelajar tetapi pada skala sederhana.

4.3.3 PERSOALAN KAJIAN 3

Adakah pihak industri menyediakan persekitaran kerja yang selamat ?

Jadual 4.3.1(c) Taburan Responden Mengikut Peratusan, Frekuensi dan Min Faktor Keselamatan

| Bil | No.Item | SS | | TP | | TS | | MIN |
|------------------|---|-----|------|-----|------|-----|------|------------------|
| | | Bil | % | Bil | % | Bil | % | |
| 1 | Organisasi menyediakan peralatan keselamatan (cth topi keselamatan dsbnya) | 88 | 84.6 | 8 | 7.7 | 8 | 7.7 | 4.13 (Tinggi) |
| 2 | Peraturan keselamatan ditetapkan oleh organisasi untuk menjalankan tugas yang berbahaya (cth memanjat tempat tinggi/kendali mesin dsbnya) | 88 | 84.6 | 7 | 6.7 | 9 | 8.7 | 4.14 (Tinggi) |
| 3 | Organisasi menyediakan langkah keselamatan yang perlu diambil sekiranya berlaku kemalangan | 91 | 87.5 | 7 | 6.7 | 6 | 5.8 | 4.16 (Tinggi) |
| 4 | Tunjuk ajar diberi sebelum kerja berbahaya dijalankan | 93 | 89.4 | 7 | 6.7 | 4 | 3.9 | 4.27 (Tinggi) |
| 5 | Organisasi mementingkan persekitaran kerja yang selamat | 96 | 92.3 | 5 | 4.8 | 3 | 2.9 | 4.32 (Tinggi) |
| 6 | Organisasi tidak menyediakan pil penenang untuk menjalankan kerja berisiko atau kerja di tempat tinggi | 72 | 69.2 | 20 | 19.2 | 12 | 11.5 | 3.78 (Tinggi) |
| Nilai Min Purata | | | | | | | | 4.13 (Tinggi) |

Analisis data yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.1(c) mendapati purata minimum skor untuk keseluruhan item berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.13. Justeru itu, pelajar amat

menitikberatkan soal keselamatan di tempat kerja yang disediakan oleh pihak industri berdasarkan analisis data yang diperolehi.

4.3.4 PERSOALAN KAJIAN 4

Adakah hubungan rakan sekerja penting dalam pemilihan tempat latihan yang sesuai ?

Jadual 4.3.1(d) : Taburan Responden Berdasarkan Peratusan, Frekuensi dan Min Faktor Hubungan Rakan

| Bil | No.Item | SS | | TP | | TS | | MIN |
|------------------|--|-----|------|-----|------|-----|-----|---------------|
| | | Bil | % | Bil | % | Bil | % | |
| 1 | Rakan sekerja meningati nama saya | 95 | 91.4 | 7 | 6.7 | 2 | 1.9 | 4.38 (Tinggi) |
| 2 | Rakan sekerja rajin menghulurkan bantuan | 95 | 91.3 | 8 | 7.7 | 1 | 1 | 4.39 (Tinggi) |
| 3 | Rakan sekerja menunjukkan sikap yang peramah terhadap saya | 96 | 92.3 | 6 | 5.8 | 2 | 2 | 4.41 (Tinggi) |
| 4 | Rakan sekerja saling bertukar pendapat dengan saya | 95 | 91.4 | 7 | 6.7 | 2 | 2 | 4.34 (Tinggi) |
| 5 | Rakan sekerja sering melakukan aktiviti riadah bersama dengan saya | 77 | 74.1 | 17 | 16.3 | 10 | 9.6 | 3.93 (Tinggi) |
| 6 | Rakan sekerja tidak menunjukkan sikap sombong kepada saya | 93 | 89.4 | 8 | 7.7 | 3 | 2.9 | 4.30 (Tinggi) |
| 7 | Rakan sekerja saling bertukar pendapat /memberi idea jika diminta | 94 | 90.4 | 8 | 7.7 | 2 | 1.9 | 4.32 (Tinggi) |
| 8 | Rakan sekerja suka mewujudkan hubungan yang ceria/bergurau senda | 91 | 87.5 | 11 | 10.6 | 2 | 2 | 4.30 (Tinggi) |
| 9 | Rakan sekerja tidak suka menukui melabel perkara yang negatif sekiranya saya melakukan kesalahan | 90 | 86.5 | 10 | 9.6 | 4 | 3.8 | 4.17 (Tinggi) |
| 10 | Rakan sekerja tidak suka menghasut | 90 | 86.5 | 11 | 10.6 | 3 | 2.9 | 4.21 (Tinggi) |
| Nilai Min Purata | | | | | | | | 4.28 |

Analisis data yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3.1(d) mendapati purata min skor berada pada paras tertinggi, iaitu 4.28. Dapatan analisa ini diperolehi berdasarkan kepada semua item dengan min yang tinggi. Oleh yang demikian, hubungan rakan sekerja merupakan faktor utama dalam pemilihan tempat latihan industri.

VII. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dalam mengkaji empat faktor daripada persepsi pelajar membuat pemilihan untuk menjalani latihan industri berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa jika mengikut susunan, faktor hubungan rakan sekerja dan factor keselamatan merupakan teras utama pemilihan diikuti faktor skop kerja dan faktor kebajikan dan kemudahan. Kesimpulannya, persepsi pelajar dalam membuat pemilihan menentukan kesesuaian tempat latihan industri memerlukan satu ikatan ukhwah yang erat sesama rakan sekerja dan amat menitikberatkan persekitaran kerja yang selamat agar segala tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam keadaan yang bebas daripada risiko kemalangan.

Lantaran daripada itu, skop kerja yang jelas daripada organisasi dalam merencanakan latihan industri kepada pelajar dapat memberikan impak maksima dan berkualiti agar segala ilmu yang diperolehi bermanfaat untuk menghadapi realiti alam pekerjaan. Di samping itu, faktor kebajikan dan kemudahan yang disediakan oleh hos industri merupakan satu imbuhan kepada pelajar untuk lebih bersemangat menjalani latihan industri. Maka, keempat-empat faktor mempengaruhi pemilihan pelajar dalam menentukan kesesuaian tempat latihan selaras dengan usaha ke arah merealisasikan pelan transformasi pendidikan di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi

PENGAKUAN

Saya akui kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya,



Tandatangan :
Nama : Saadiah binti sman
No.Kad Pengenalan : 750713-08-5044
Tarikh : 25 Februari 2024

REFERENCES

- [1] Bakar. M. J, Harun. R. J, K. Y. N. C. Business and Accounting Students' Perceptions on Industrial Internship Program. Journal of Education and Vocational Research Vol. 1, No. 3, Pp. 72-79, June 2011, 53(9), 1689-1699. . (2013). (2011)
- [2] Muhamad, R., Yahya, Y., Shahimi, S., & Mahzan, N. Undergraduate Internship Attachment in Accounting : The Interns Perspective. International Education Studies, 2(4), 49-55 (2009).
- [3] Warinda, T, Accounting Students' Evaluation Of Internship Experiences From A Skills Perspective. International Journal of Asian Social Science, 3(3), 783-799 (2013).
- [4] Jalani, J., Norjali, R., Mashori, S., & Sadun, A. S. Effectiveness of the structured internship program for engineering technology students in university tun Hussein Onn Malaysia. Advanced Science Letters, 23(9) (2017).

- [5] DASAR LATIHAN INDUSTRI DAN KOMUNITI Universiti Kebangsaan Malaysia (Telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2010 pada 10 Jun 2010).
- [6] Abdul Halim Abdul Majid. Menguruskan Sistem Gaji dan Sumber Manusia. Pahang: Penerbit Profesional PTS Sdn.Bhd (2004).
- [7] Hamidah et al., Kajian Persepsi Staf Wanita Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Kemudahan dan Perkembangan Kerjaya. Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia (2004)
- [8] Davies, V.J. dan Tomasin, K. Construction Safety Handbook, 2nd. Edition. Great Britain: Thomas Telford Publishing, pp 3,141, 204 (1996)
- [9] Grossman, S.I. Occupational Safety and Health Administration US Department of Labour, Journals of OSHA Technical Data Centre, dlm. SIA Newsletter 96-97 : (July 1996)
- [10] Stranks, J and Dewis. "Health and Safety Practices". Pitman Pun. Limited, London (1986)
- [11] Smecko. T, & Hayes, B. "Measuring compliance with safety behaviors at work". Paper presented at the 14th annual conference of the Society for Industrial and Organizational Psychology."Atlanta, GA Stranks (April 1990)
- [12] Juhaidie zamani Jamaludin. "Amalan Keselamatan Bengkel di Kuittho : Satu Tinjauan Kes Terhadap sikap Pelajar Kursus sarjana Muda Kejuruteraan Awam, KUITTHO ; Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal (2001)
- [13] Yeop Husin Bidin , Kerja Berpasukan : 1th, Edition. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd (2006).
- [14] Wiersma, W, *Research Method In Education: An Introduction*. 5th.Edition. Boston : Ally and Bacon (1991)
- [15] Wiersma, W. "Research Methods In Education. (6th.Edition)". Boston : Ally and Bacon (1995)
- [16] Mohd Majid Konting. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (1990).
- [17] Tuckman, B.W. "Conducting Educational Research (2nd Ed)". San Diego : Harcourt Bruce Jovanovich College Publisher (1978).
- [18] Mohamad Najib Abdul Ghafar. Penyelidikan Pendidikan, Johor. Universiti Teknologi Malaysia (1999).
- [19] Abu Hassan bin Kassim. "Panduan Penyelidikan Dalam Sains Sosial." 19. Tidak Diterbitkan (Ogos 1998)
- [20] Chua Yan Piaw. Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan buku 1. Kuala Lumpur: McGraw Hill (2006).
- [21] Deskmukh, L.M. Industrial safety management : Hazard Identification and risk control. Delhi: Tata McGraw-Hill Publishing Company Limited (2006).

AUTHOR'S INFORMATION

| | |
|--|--|
| <p>First Author: Saadiah binti Seman</p>  | <p>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, Perak, 31400 Ipoh, Malaysia</p> <p>E-mail: diahseman@puo.edu.my</p> |
| <p>Second Author: Nur Kamaliah binti Ismail</p>  | <p>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, Perak, 31400 Ipoh, Malaysia</p> <p>E-mail: kamaliah@puo.edu.my</p> |
| <p>Third Author: Sharmila binti Mad Isa</p>  | <p>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, Perak, 31400 Ipoh, Malaysia</p> <p>E-mail: sharmila.mdisa@puo.edu.my</p> |
| <p>Fourth Author: Fadilah binti Ahmad</p>  | <p>Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, Perak, 31400 Ipoh, Malaysia</p> <p>E-mail: dilahmad@puo.edu.my</p> |